

09 MAY 2002

Hishammuddin-Palestin

PEMUDA BINA RANGKAIAN KERJASAMA TANGGANI ISU PALESTIN

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan mewujudkan rangkaian hubungan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin muda di seluruh dunia sebagai salah satu usaha jangka panjang menangani konflik Palestin, kata ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini.

Beliau berkata pihaknya sedang mengorak langkah untuk membina rangkaian hubungan kerjasama yang kukuh dengan pemimpin-pemimpin muda dari negara-negara Asean serta tiga negara lain iaitu China, Jepun dan Korea Selatan.

"Kemudian barulah kita tumpu kepada kerjasama dengan pemimpin-pemimpin muda dari negara Asia Barat dan negara-negara lain," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Pemuda Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Menurut beliau, hubungan itu nanti akan bertumpu kepada bentuk pertukaran pendapat dan maklumat yang berkisar kepada isu-isu sejagat seperti globalisasi, keganasan dan Palestin.

Hishammuddin berkata penubuhan rangkaian itu selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad malam tadi bahawa konflik di Tebing Barat akan mengambil masa yang panjang kerana umat Islam perlu mendapat sokongan, perhatian di samping meraih simpati dunia untuk memulau serta mengutuk kekejaman Israel.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata Pemuda Umno amat menghargai serta menghormati kesediaan Dr Mahathir dan Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor berkongsi pendapat dalam majlis Syarahan Perdana di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini malam tadi yang membincangkan tajuk Palestin dan Kemanusiaan.

Beliau berkata ini menyerlahkan keikhlasan kedua-dua pemimpin yang mewakili seluruh rakyat Malaysia yang bersatu apabila menyentuh isu kemanusiaan di Palestin.

Ini menunjukkan rakyat Malaysia boleh mengetepikan sebarang perselisihan faham untuk bersatu dalam isu-isu tertentu, terutama yang membabitkan soal kemanusiaan.

"Kita (Pemuda Umno) mengambil ketetapan bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tidak boleh diharap untuk menangani isu Palestin kerana mereka sebenarnya tidak mampu berbuat apa-apa," katanya.

Menyentuh cadangan supaya diwujudkan kembali sekolah aliran Inggeris, Hishammuddin berkata ianya agak radikal dan drastik.

"Pendekatan sebaliknya perlu ditekankan terhadap aspek menyediakan guru yang berkualiti dan benar-benar terlatih menguasai bahasa Inggeris bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah," katanya.

Pada majlis itu juga Hishammuddin telah menyerahkan sumbangan RM25,000 kepada pesakit jantung, Muhamad Danial Ikmal Abdul Fasir, 15 bulan, bagi meringankan bebanan kos rawatannya.

Bapanya, Abdul Fasir Mohamad, 27, seorang penjual jagung telah merayu sumbangan orang ramai bagi membolehkan anaknya menjalani pembedahan kerana tidak mampu mengumpul wang sebanyak RM22,000, iaitu anggaran kos pembedahan.

Abdul Fasir berkata beliau terpaksa membawa anaknya ke Hospital Besar Melaka setiap dua minggu bagi rawatan di samping terpaksa berulang alik ke Institut Jantung Negara dari semasa ke semasa sehingga tarikh pembedahan

ditetapkan.
-- BERNAMA
AZH AKT PR